

Adab Dalam Keberkatan Ilmu

**NURFAZILAHAINI MUHAMAD HANAFI &
DR. WAN ZURINA NIK ABDUL MAJID**

nfazila428@uitm.edu.my

Pendahuluan

Di era kemajuan teknologi dan kehidupan moden, penekanan terhadap kecemerlangan dalam pendidikan akademik lebih diberikan keutamaan sedangkan penekanan adab dan tingkah laku pelajar semakin diremehkan. Pemahaman adab bagi pelajar hanyalah sekadar memberi salam ketika bertemu dan tidak lebih daripada itu sedangkan adab seorang pelajar ketika menimba ilmu dengan seorang guru adalah lebih dari sekadar memberi salam. Nabi Muhammad SAW sangat menekankan aspek adab dalam menuntut ilmu. Imam Malik Ibn Anas ada menyatakan **“Belajarlah adab sebelum kamu mempelajari ilmu”**.

Pembahagian Adab

Di bawah disenaraikan beberapa pembahagian adab ketika menuntut ilmu (Nur Khamsiah, 2021; Adibah, 2019).

Adab terhadap diri sendiri

Untuk mendapatkan keredhaan Allah dalam menuntut ilmu, menurut Imam An-Nawawi, pelajar hendaklah memulakan sesuatu pelajaran dengan niat yang ikhlas. Pelajar hendaklah mempunyai azam yang kuat dan kesungguhan dalam menuntut ilmu. Disertai juga dengan perasaan jujur, amanah dan bertanggung-jawab ketika menuntut ilmu secara bersemuka mahupun secara alam maya.

Adab dengan guru

Adab dengan guru juga amat penting dalam menimba ilmu. Menurut Az-Zarnuji (dalam Adibah, 2019), “pelajar yang menuntut ilmu tidak akan mendapat manfaat kecuali jika menghormati ilmu dan gurunya”. Menurut Fadil et al., 2023, pelajar yang beradab akan sentiasa menghormati guru dengan cara mendoakan, memuliakan, dan menegur secara sopan, sama ada semasa pengajian secara bersemuka atau secara digital. Pelajar perlu menghormati guru seperti memberi salam, meminta izin untuk masuk kelas, mengutarakan pandangan atau bertanya soalan dengan beradab dan memaklumkan jika ada keperluan semasa sesi pembelajaran secara bersemuka atau secara maya. Walaubagaimanapun, kaedah pembelajaran secara maya sedikit sebanyak menyebabkan pelajar sukar mengenali guru secara dekat sehinggakan adab terhadap seorang guru semakin terhakis.

Adab dengan ilmu

Adab dengan ilmu adalah seperti penguasaan ilmu pengetahuan yang diperolehi melalui guru dan rujukan buku. Ilmu mesti dipelajari daripada guru berkemahiran untuk mengelak kekeliruan, seperti ditegaskan ulama terdahulu yang mengatakan bahawa “janganlah mengambil ilmu daripada orang yang mengambilnya secara langsung daripada buku tanpa mempelajarinya daripada para guru. Sesiapa yang mengambil ilmu terus daripada buku, maka ia berkemungkinan keliru dan menyimpang dari kefahaman yang benar” (Nurul, 2023; Adibah, 2019). Namun, kemudahan teknologi mendorong pelajar mendapatkan pelbagai maklumat melalui platform seperti YouTube, Instagram, Facebook, Tik Tok dan sebagainya. Perkara ini amatlah membimbangkan para guru sekiranya sumber maklumat yang didapati daripada platform tersebut adalah tidak tepat dan sekaligus membawa pengajaran yang tidak bermanfaat. Menurut Adibah (2019), penyampaian ilmu bukan sekadar menyampaikan maklumat, tetapi ia melibatkan pembentukan sahsiah diri dan penambahan kefahaman terhadap pendidikan, di mana semua ini hanya akan diperolehi melalui contoh dan pengajaran daripada seorang guru yang beradab dan berilmu.

Adab dengan buku

Terdapat beberapa adab dalam buku yang perlu pelajar fahami. Pertama, pelajar perlu memiliki buku sebagai bahan rujukan pengajian, membeli buku sekiranya berkemampuan dan meminjamnya jika tidak mampu. Kedua, meletakkan buku di tempat yang tinggi. Ketiga, berwuduk sebelum membaca dan keempat menyusun kitab seperti al-Quran di kedudukan tertinggi. Menurut Sufyan Al-Thauri, “sesiapa yang kedekut dengan ilmunya, dia akan diuji dengan tiga perkara, iaitu sama ada dia akan lupa akan ilmu dan tidak mampu menghafal atau dia meninggal dunia sedangkan dia tidak mampu mengambil manfaat dari ilmunya atau dihilangkan buku daripada dirinya”. Namun, pelajar kini sering membuang buku selepas tamat pengajian, mengutamakan rujukan digital, mengurangkan pemilikan buku dan ini menjejaskan adab terhadap ilmu.

Adab dengan majlis ilmu

Majlis ilmu adalah sebuah majlis yang diadakan untuk tujuan penyampaian ilmu dan dihadiri oleh guru dan pelajar. Terdapat beberapa adab yang perlu ditekankan kepada pelajar ketika menghadiri majlis ilmu. Pelajar disarankan datang awal, duduk dengan sopan berdekatan dengan guru, menjaga pergerakan, tidak ketawa atau meninggikan suara tanpa sebab yang boleh menyebabkan guru terguris hati, membaca doa dan selawat serta bertanya jika kurang jelas (Adibah, 2019). Manakala, dalam zaman pembelajaran secara digital, adab ini masih relevan, seperti masuk awal ke aplikasi, membuka kamera, duduk sopan, menghormati guru dan menghindari aktiviti lain semasa kuliah. Kejujuran dan tanggungjawab pelajar sangat penting kerana hanya mereka yang mengetahui sikap mereka semasa kelas dijalankan secara maya.

Kesimpulan

Salah satu faktor kejayaan seorang pelajar dalam pelajaran adalah menitikberatkan adab dalam menuntut ilmu. Pendidikan adab perlu diutamakan sebelum pembelajaran kerana adab menjaga keberkahan ilmu dan memastikan penyampaiannya berkesan. Dengan perkembangan proses pendidikan dan peningkatan penggunaan teknologi, para pendidik seharusnya memperkasakan bentuk penyampaian maklumat seiring dengan perkembangan teknologi. Pendidik atau guru seharusnya memastikan penggunaan teknologi tidak mengenenepikan aspek pembentukan adab dan peribadi pelajar sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Rujukan

Sulaiman, A., Nizah, M. A. M., & Norawavi, A. N. (2019). Konsep Pendidikan Islam: Adab Guru-Pelajar: The Concept of Islamic Education: Teacher-Student Adab. *Sains Insani*, 4(1), 61-67.

Fadil, Siti & Satari, Hisam & Kamaruzaman, Mohd. (2023). PREPARATION AND MANNERS OF STUDENTS IN OPEN AND DISTANCE LEARNING (ODL) DURING THE COVID-19 PANDEMIC SEASON. *International Journal of Modern Education*. 5. 356-376. 10.35631/IJMOE.517028.

Adan, N. K. (2021, April). Tanggungjawab menjaga adab menuntut ilmu semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PDPDT). In *International Conference On Syariah & Law 2021-Online Conference* (pp. 215-226).

Nurul Fatiha Muah (2023). Utamakan Adab Sebelum Ilmu. Dipetik dari <https://www.sinarharian.com.my/article/638626/sinar-islam/islam-sejagat/utamakan-adab-sebelum-ilmu>